

## PEDOFILIA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: SATU ANALISIS TEMATIK

Abur Hamdi Usman, [aburhamdi@kuis.edu.my](mailto:aburhamdi@kuis.edu.my)

Syarul Azman Shaharuddin, [syarulazman@kuis.edu.my](mailto:syarulazman@kuis.edu.my)

Rosni Wazir, [rosni@kuis.edu.my](mailto:rosni@kuis.edu.my)

Mohd Norzi Nasir, [mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

Norsaleha Mohd Salleh, [orsaleha@kuis.edu.my](mailto:orsaleha@kuis.edu.my)

Muhammad Fakhur Razi Shahabudin, [nurfurqanrazi92@gmail.com](mailto:nurfurqanrazi92@gmail.com)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

Pedofilia merupakan isu yang tidak digembar gemburkan sepertimana gemparnya isu LGBT mutakhir ini, namun ianya tetap berlaku saban hari dan tahun. Sekali gus memberi impak yang negatif terhadap kanak-kanak dan masyarakat. Isu ini telah meruntuhkan institusi kekeluargaan, kemasyarakatan dan keagamaan apabila ianya memperlihatkan kebanyakan pesalah laku pedofilia yang sering menjadi muka depan berita adalah bangsa Melayu yang beragama Islam. Persoalannya, adakah wujud perbincangan dalam konten wahyu isu-isu yang sebegini, atau mungkin ada pendekatan al-Quran dalam membicarakan wadah-wadah kontemporari melalui kaedah tertentu. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran berkenaan isu pedofilia atau gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Dengan menggunakan metode kualitatif, dengan mengumpulkan koleksi ayat al-Quran dan melihat pandangan mufassir berkenaan pedofilia. Artikel ini mendapati al-Quran merupakan wadah intelektual wahyu terbaik dalam membincangkan isu yang dihadapi umat Islam. Artikel ini merupakan usaha berterusan dalam mencari jalan penyelesaian terhadap isu pedofilia yang menimpa masyarakat umum.

**Kata Kunci:** *Pedofilia; Perspektif; Al-Quran; Analisis; Tematik.*

### 1. Pendahuluan

Pedofilia bukanlah isu baru yang menyerang Malaysia hari ini, tapi ianya adalah isu yang tidak diambil peduli oleh masyarakat dek kerana kurangnya kesedaran dan ilmu pengetahuan dalam kalangan ibu bapa dan kanak-kanak. Pedofilia atau gangguan seksual terhadap golongan kanak-kanak ini merupakan satu jenayah berat yang berlaku

dalam masyarakat Malaysia kini. Walaupun ianya bukanlah kes yang kerap berlaku, tetapi ia memberi impak yang sangat besar kepada insituisi kekeluargaan dalam masyarakat. Malah kebanyakan masyarakat Malaysia tidak memahami apa itu Pedofilia? Dan siapakah yang berisiko menjadi pelaku dan mangsa Pedofilia? Dan apakah kesannya terhadap kanak-kanak mangsa Pedofilia?

Bell (2007) menyatakan bahawa ibu bapa harus berhati-hati terhadap kes pedofilia dan pencabulan kanak-kanak di sekeliling. Bell turut menambah, majoriti kanak-kanak mungkin terkecuali dari menjadi mangsa pedofilia dan pencabulan sekiranya ibu bapa mempunyai pengetahuan dan maklumat mengenai pedofilia serta melihat sendiri kejadian atau kes tersebut berlaku kepada individu yang paling hampir dengan mereka. Beliau turut menyatakan kerajaan sebenarnya berperanan dalam memberi kesedaran dan pengetahuan buat semua terutama melalui program dan kempen kerajaan yang mampu membuka mata golongan ibu bapa.

## 2. Pedofilia

Pedofilia berasal dari kata *Greek* yang bermaksud 'suka' (*philio*) 'kanak-kanak' (*paedo*). Ia tergolong di dalam gejala kecelaruan *paraphilia* (*Paraphilic Disorders*), iaitu satu kategori 'penyakit' kecenderungan untuk mendapat kepuasan seks atau keghairahan seksual yang tinggi dengan cara di luar norma kebiasaan. Contoh lain *paraphilia disorders* adalah *voyeurism*, *frotteurism*, *exhibitionist* dan lain-lain. Di dalam kitab rujukan psikiatri, *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*, edisi kelima, takrifan pedofilia agak spesifik. Pelaku atau pesakit mempunyai fantasi keghairahan seksual dan keinginan seks yang tinggi melibatkan aktiviti dengan kanak-kanak yang belum akil baligh. Menurut *Kamus Dewan Edisi keempat*, pedofilia membawa maksud keinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak (Noresah, 2005). Dengan begitu, penyalahgunaan seks ini secara tidak langsung melakukan jenayah atau penderaan seksual kepada mangsa kanak-kanak.

Definisi penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang diterima pakai umum ialah definisi yang diberikan oleh *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF) dan *World Health Organization* (WHO). Menurut UNICEF (2010) dan WHO (1999), penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan seksual yang tidak difahaminya dengan baik, yang tidak dapat dipersetujuinya dengan arif, atau yang melanggar undang-undang atau kelaziman masyarakat. Penderaan seksual tersebut merangkumi perbuatan meraba-raba kemaluan, memperkosa, merogol dan menaikkan syahwat kanak-kanak dengan meminta secara tidak berpatutan, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit atau menunjukkan bahan-bahan lucah. Kelakuan yang tidak melibatkan sentuhan seperti mengintai, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit dan kata-kata lucah yang diucapkan kepada kanak-kanak juga merupakan penderaan seksual. Selain itu, mengeksploitasikan kanak-kanak untuk tujuan pornografi melalui internet dan menggunakan bahan tersebut untuk membolehkan seseorang kanak-kanak itu digunakan oleh orang lain sebagai pelacur

juga merupakan suatu bentuk penganiayaan seksual. Lazimnya penderaan seksual terhadap kanak-kanak bertujuan memberi kepuasan seksual kepada orang yang melakukannya.

Berdasarkan wacana di atas, kebanyakan takrifan mengenai penderaan seksual adalah merangkumi tiga bahagian iaitu perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan, dan pornografi kanak-kanak. Perbuatan sentuhan ialah apabila berlaku interaksi seksual pada bahagian sulit kanak-kanak seperti memasukkan objek ke bahagian sulit, mulut atau dubur, melakukan seks oral dan meliwat, mencium menggunakan lidah, menyentuh secara seksual iaitu dengan meraba bahagian sulit dan bahagian badan. Manakala perbuatan tanpa sentuhan ialah apabila menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak, menggalakkan kanak-kanak dengan kata-kata, menipu, memaksa atau mengugut kanak-kanak untuk melakukan sebarang aktiviti seksual atau pelacuran, membuat pameran, menggalakkan kanak-kanak untuk melihat bahagian sulit, panggilan lucah, menghantar kata-kata lucah, merekod video serta gambar-gambar. Pornografi pula ialah apabila perlakuan seks kanak-kanak itu direkodkan (Norazla Abd Wahab & Mohd Farok Mat Nor, 2018).

Pedofilia juga sebenarnya digolongkan dalam kelompok orientasi seksual meskipun menurut definisi di dalam *Diagnostic Statistical Manual* menyatakan bahawa pedofilia bukan sahaja terjadi apabila individu melakukan tingkah laku rangsangan seksual terhadap kanak-kanak, akan tetapi perbuatan menyimpan, membayangkan serta khayalan terhadap seksual bersama kanak-kanak turut disebut sebagai pedofilia (*American Psychological Association*, 2000; Eher, Olver, Heurix, Schilling, & Rettenberger, 2015). Justeru itu, setiap kanak-kanak tidak terlepas daripada menjadi mangsa dalam diam bagi si pelaku pedofilia.

### 3. Analisis Tematik

Bagi mendapatkan objektif kajian iaitu untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran berkenaan isu pedofilia atau gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Analisis tematik dimulakan dengan pengumpulan ayat-ayat berkaitan kanak-kanak. Jadual 1 telah menyenaraikan sejumlah ayat al-Quran yang telah ditematikkan.

Jadual 1: Ayat al-Quran bertemakan kanak-kanak

Bil	Ayat al-Quran	Tema	Surah
1	وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ ٧٢	Kanak-kanak secara umum	al-Nahl [16]: 72
2	وَأَسْتَفْزِرُّ مَنْ اسْتَطَعْتَ مِنْهُمْ بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكِهِمْ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ وَعَدَّهُمْ ٦٤		al-Isra' [17]: 64
3	الْمَالِ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الدُّنْيَا ٤٦		al-Kahfi [18]: 46

4	أَفْرَأَيْتَ الَّذِي كَفَرَ بِآيَاتِنَا وَقَالَ لَأُوتِيَنَّ مَالًا وَوَلَدًا ۗ ۷۷	Maryam [19]: 77
5	أَمَدَّكُمْ بِأَنعَمِ وَبَيْنَ ۱۳۳	Shu'ara [26]: 133
6	وَمَا أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ بِالَّتِي تُقَرَّبُكُمْ عِنْدَنَا زُلْفَىٰ ۗ ۳۷	Saba'[34]: 37
7	وَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ۗ ۳۵	Saba'[34]: 35
8	هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِن نُّرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ يُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشُدَّكُمْ ثُمَّ لِتَكُونُوا شُيُوخًا	Ghafir [40]: 67
9	وَوَصَّيْنَا الْإِنسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا ۗ ۱۵	al-Ahqaf [46]: 15
10	أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُوَ وِزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ ۗ ۲۰	al-Hadid [57]: 20
11	لَنْ نُعْجِبَ عَنْهُمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا أَوْلَادَهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا ۗ ۱۷	al-mujadilah [58]: 17
12	يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ ۗ ۹	Munafiqun [63]: 9
13	يَأْيُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ مِنْ أَرْوَجِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَأَحْذَرُواهُمْ ۗ ۱۴	al-Taghabun [64]: 14
14	إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ۗ ۱۵	al-Taghabun [64]: 15
15	أَنْ كَانَ ذَا مَالٍ وَبَيْنَ ۱۴	al-Qalam [68]: 14
16	وَيُمَدِّدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَيْنَ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ۗ ۱۲	Nuh[71]: 12
17	وَبَيْنَ شُهُودًا ۗ ۱۳	Mudathir[74]: 13
18	وَصَحْبَتِهِ ۗ وَبَيْنِهِ ۳۶	'Abasa [80]: 36
19	وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الْوَالِدِينَ وَأَنْ تَقُومُوا لِلْيَتَامَىٰ بِالْقِسْطِ ۗ ۱۲۷	Anak-anak yatim an-Nisa'[4]: 127
20	وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا ۗ ۷۸	Lahir dalam keadaan tidak mengerti apa-apa an-Nahl [16]: 78
21	وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا ءَاتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ ۗ ۲۳۳	Menyusukan bayi selama 2 tahun al- Baqarah[2]: 233
22	إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا ۗ ۳۴	Pengetahuan Allah tentang apa

		yang berada di dalam Rahim	
23	أَدْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ ٥	Anak angkat	al-Ahzab [33]: 5
24	وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ٥٨	Bayi perempuan	an- Nahl[16]:58
25	أَوْ مَنْ يُنشِئُوا فِي الْغُلِيَّةِ وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرُ مُبِينٍ ١٨	tanda kejahatan	Zukhruf[43]: 18
26	الْكُمُ الذَّكَرُ وَلَهُ الْأُنثَىٰ ٢١		an-Najm[53]: 21
27	وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقَ نَحْنُ نَرَزُّكُمْ وَإِيَاهُمْ وَلَا تَقْرُبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطْنٌ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَلَّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ١٥١	Bunuh anak kerana takutkan miskin	An'am[6]: 151
28	وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطَاً كَبِيرًا ٣١		al-Isra'[17]: 31
29	وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ ٨	Anak perempuan dikebumikan	al-Takwir [81]: 8
30	يَهَبُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَّا وَيَهَبُ لِمَنْ يَشَاءُ الذُّكُورَ ٤٩	Anugerah Anak	al-Shura [42]: 49

Berdasarkan jadual di atas, terdapat 30 ayat al-Quran telah dikumpulkan berdasarkan 9 tema kanak-kanak. Setelah diteliti satu persatu ayat-ayat tersebut, didapati tidak ada ayat al-Quran yang secara umum dan khusus membahaskan konteks pedofilia atau gangguan seksual terhadap kanak-kanak. Namun itu tidak menunjukkan bahawa Islam terlepas pandang akan hal ini, kerana setiap perkara di dunia ini terangkum dalam Islam yang syumul. Kebanyakan konteks ayat dalam rajah di atas memfokuskan kepada kemaslahatan dan hak terhadap golongan kanak-kanak.

#### 4. Pedofilia menurut Perspektif al-Quran

Al-Quran merupakan sumber perundangan Islam yang menjadi rujukan utama seluruh umat Islam di atas dunia. Maksud al-Quran terbahagi kepada dua iaitu bahasa dan istilah, dari segi bahasa maksudnya bacaan. Al-Quran pada istilah sebagaimana diterangkan dalam *Mu'jam al-Asasi* ialah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW, majoriti ayatnya diturunkan di Mekah dan sebahagiannya diturunkan di Madinah, terdiri daripada 114 surah dalam 30 juzuk. Manakala dalam kitab *Mabahith fi Ulum al-Quran* memberi maksud al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab. Al-Quran ditulis dalam

mashaf yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi secara *mutawatir* dan mendapat pahala bagi sesiapa yang membacanya, Ia dimulakan dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas (al-Qattan, 1981).

Bagi membincangkan pedofilia dari perspektif al-Quran ianya merupakan kajian kontemporari yang perlu diketengahkan agar isu ini dapat di selesaikan sesuai dengan peranan al-Quran sebagai sumber perundangan Islam. Oleh itu, pedofilia dalam Islam juga merupakan perbuatan yang dilarang oleh agama dan merupakan perbuatan zina, orang yang melakukan perbuatan tersebut mendapatkan dosa yang besar pula dan diberikan hukuman yang setimpal (Eko Setiawan, 2016).

#### 4.1 Zina

Allah SWT berfirman dalam surah Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فُجِحَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ۝٣٢

Maksudnya:

*“Dan janganlah kalian mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. dan suatu jalan yang buruk.”*

Berkata Imam Jalil Hafiz Imad al-Din Abi Fida' Ismail Ibn Kathir al-Damsyiq (w. 774 H) dalam *Tafsir al-'Azim* bahawa Allah SWT melarang para hamba-Nya daripada melakukan zina dan juga perkara yang membawa dekat kepada zina seperti sebab-sebab dan seruan-seruannya (Ibn Kathir, 2000/ 9: 5).

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَىٰ ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنَىٰ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرْنَا الْعَيْنَ النَّظْرَ، وَرْنَا اللِّسَانَ الْمِنْطِقَ، وَالتَّنْفُسُ تَمَنَّىٰ وَتَشْتَهِي، وَالْفَرْجُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ أَوْ يُكَذِّبُهُ»

[Al-Bukhari, Sahih Bukhari, *Kitab al-Qadr, Bab haram ala Qurbatu ahlakhnaha Annahum la Yarji'un*, No hadis 6612.]

Maksudnya:

Berkata Abu Hurairah daripada Nabi SAW: *“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya.”*

Jelaslah maksud “jangan mendekati” dalam al-Quran menunjukkan bahawa semua sarana yang membawa kepada zina seperti pandangan mata, sentuhan dan berkhawat adalah haram dan dijauhi, walaupun dikira sebagai dosa-dosa kecil. Dan mata

merupakan anggota tubuh yang Allah perintah untuk dipelihara, kerana melaluinya manusia akan tewas dengan nafsu syahwat.

Zina di definisikan dengan segala persetubuhan yang tidak di sahkan dengan nikah, atau yang tidak sah nikahnya. Inilah perbuatan yang di definisi atau dimaksudkan zina. Dengan simpulan sekalian persetubuhan yang tidak disahkan lebih dahulu dengan nikah, sebenarnya sudah cukup. Tetapi ada juga, yang walaupun diadakan nikah terlebih dahulu, namun nikah dengan mereka adalah tidak sah, iaitu bersetubuh dengan mahram (yang haram dinikahi tersebut lengkap dalam surah an-Nisa ayat 23) atau yang menikahi isteri orang, atau menikahi orang dalam I'ddah (Hamka, 1983/5).

Oleh itu, Allah SWT memerintahkan kepada orang yang beriman untuk menundukkan pandangannya, sebagaimana firmanNya dalam surah an-Nur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ٣٠

Maksudnya:

*Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat."*

Disebabkan pandangan mata merupakan sumber utama bagi rosaknya kalbu, seperti yang dikatakan oleh sebagian ulama Salaf, bahawa pandangan mata itu adalah panah beracun yang menembus hati. Maka Allah SWT memerintahkan agar kemaluan dipelihara, sebagaimana Dia memerintahkan agar pandangan mata dipelihara, sebab pandangan mata merupakan jendelanya hati (Ibnu Kathir, 2000/ 10: 212).

Imam Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al-Qurtubi (w. 1273 M), ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah SWT mengawali dengan menahan pandangan baru kemudian memelihara kemaluan, sebab pandangan adalah pemimpin bagi hati, sebagaimana demam adalah pemimpin bagi kematian.

Muhammad ibn Muslim ibn Ubaydullah ibn Shihab al-Zuhri (w. 741 M) berkata tentang memandang wanita yang belum haid, 'tidak patut memandang mereka sedikit pun, iaitu wanita yang dikehendaki untuk dilihat, meskipun dia masih kecil. Abu Muhammad Atha bin Abi Rabah Aslam bin Shafwan (w. 115 H) menganggap makruh melihat anak perempuan yang masih kecil, yang menjajakan sesuatu di Mekah, kecuali bila hendak membeli sesuatu (al-Qurtubi, 2009/ 12).

Maka pendekatan yang sama perlu diambil terhadap golongan pedofilia, seandainya memandang kanak-kanak dapat merangsang nafsu, maka tundukkan pandangan adalah jalan awal untuk mencegah diri dari mendorong ke arah perbuatan songsang tersebut. Konteks pencegahan ditekan oleh Allah SWT dengan kalimat '*janganlah kalian mendekati zina*'. Seterusnya perbincangan melihat kepada konteks lain jenayah pedofilia, iaitu perbuatan sumbang mahram. Istilahnya berbeza jika dibandingkan dengan pedofilia namun sampel dan mangsa yang sama.



## 4.2 Sumbang Mahram

Kerap kali inses melibatkan ahli keluarga yang lebih dewasa melakukan penganiayaan seksual ke atas kanak-kanak atau remaja dalam keluarga tersebut. Inses khususnya, memberikan impak yang lebih serius ke atas mangsa kerana ia turut menjejaskan sokongan utama kanak-kanak iaitu keluarganya sendiri. Kanak-kanak yang menjadi mangsa seksual ahli keluarga sendiri sering tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada ahli keluarga berbanding keganasan seksual bentuk lain (Tsun, 1999; Roesler & Wind, 1994; Lorentzen, Nilsen & Traeen, 2008). Dalil sumbang mahram dapat juga dikaitkan dengan pedofilia, ini kerana perbuatan sumbang mahram berlaku terhadap golongan kanak-kanak sehingga muncul istilah bapak makan anak. Dan perbuatan inses ini merupakan perbuatan yang terkutuk kerana mendatangi darah dagingnya sendiri. Betapa terkutuk perbuatan tersebut sehingga Allah haramkannya di dalam al-Quran.

Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa ayat 23:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعُمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأَخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمْ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضْعَةِ وَأُمَّهُتُ نِسَائِكُمْ وَرَبِّبُكُمْ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنَ نِسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ٢٣

Maksudnya:

*“Diharamkan atasmu (mengawini) ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan; saudara-saudara bapakmu yang perempuan; saudara-saudara ibumu yang perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan; ibu-ibumu yang menyusuimu; saudara perempuan sepersusuan; ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu (tiri) dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum bercampur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengawininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu); dan menghimpunkan (dalam perkawinan) dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau, sesungguhnya Allah Maha pengampun lagi Maha penyayang.”*

Ibnu Kathir (2000/ 3: 411) menyatakan ini adalah ayat yang menerangkan haramnya mahram berdasarkan nasab (keturunan) dan hal-hal yang mengikutinya berupa persusuan dan kemertuaan. (*“Diharamkan atasmu [mengawini] ibu-ibumu; anak-anakmu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan.”*).

Ayat al-Quran di atas mengharamkan perbuatan sumbang mahram bagi menjaga kemaslahatan institusi kekeluargaan nasab dan keturunan. Islam amat menitik beratkan perkara-perkara berkaitan kesalahan seksual kerana ia memberi kesan kepada lima



tujuan utama hukum Islam iaitu menjaga agama, nyawa serta maruah diri, harta benda, akal dan keturunan (Wahbah al-Zuhaili, 1992).

Oleh itu, Inses adalah bentuk penderaan seksual yang rumit untuk ditangani dan bentuk penderaan seksual yang paling kerap dirahsiakan berbanding bentuk penderaan seksual yang lain dan mangsa penderaan seksual mengalami trauma psikologikal berpanjangan (Chen, Dunne & Han, 2007). Dan ini bertepatan dengan kes jenayah pedofilia, kerana mangsa adalah dikalangan kanak-kanak yang tidak berdosa.

### 4.3 Homoseksual dan Biseksual

Pedofilia terbahagi kepada beberapa kategori, dan umumnya golongan ini tertarik kepada golongan kanak-kanak. Kajian terhadap pedofil lelaki menunjukkan mereka hanya tertarik kepada kanak-kanak lelaki (homoseksual pedofilia) sahaja, kanak-kanak perempuan (heteroseksual pedofilia), atau kedua-duanya sekali (biseksual pedofilia). Dan peratus homoseks pedofilia dari tahap 9% sehingga 40% iaitu kira-kira 4 hingga 20 kali lebih tinggi dari peratusan homoseks antara lelaki dewasa (Hall, R. C., & Hall, R. C, 2007). Oleh itu, kajian ini melihat dalil-dalil berkaitan perbuatan yang melanggar fitrah seperti homoseksual dapat menjadi qias terhadap isu pedofilia. Ini kerana wujudnya pedofilia yang suka kepada kanak-kanak yang sama jantina, berlainan jantina dan kedua-duanya sekali.

Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf ayat 80-81:

وَلَوْ طَأَّ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفُحْشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ۗ ٨٠ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ  
الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ٨١

Maksudnya:

*Dan (Kami juga telah mengutus) Luth (kepada kaumnya). (Ingatlah) tatkala dia berkata kepada mereka, "Mengapa kalian mengerjakan perbuatan fahisyah itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorang pun (di dunia ini) sebelum kalian?" Sesungguhnya kalian mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu kalian (kepada mereka), bukan kepada wanita, bahkan kalian ini adalah kaum yang melampaui batas."*

Ibnu Kathir (2000/ 6: 245) dalam *Tafsir al-'Azim* menyebut bahawa perbuatan keji ini tidak pernah menjadi adat dan dilakukan oleh manusia, bahkan tidak pernah terlintas dalam akal mereka, sehingga kaum Sodom melakukannya dan Allah melaknat mereka.

Al-Qurtubi (2009/ 7) menyatakan makna sebenar kata الفحشة pada ayat ini adalah menggauli sesama lelaki. Makna sebenarnya adalah perbuatan keji, namun Allah SWT mengkhususkan kata ini dalam surah al-Isra ayat 72 yang bermaksud: *'Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah perbuatan yang keji.*

Ayat-ayat dibawah merupakan *qasas al-Quran* yang menceritakan berkenaan kisah kaum Sodom yang ditimpakan bala Allah SWT di atas perbuatan maksiat mereka kepada Allah. Berdasarkan syarah Ibnu Kathir di atas jelas menunjukkan bahawa ianya

adalah perbuatan yang berlawanan dengan fitrah kejadian Allah SWT. Oleh itu, perbuatan tersebut bukanlah perkara baru dalam sirah Islam, tetapi ianya adalah masalah yang berulang-ulang dengan konteks yang sama tapi berbeza ruang dan masa. Maka tidak hairan wujudnya istilah baru seperti pedofilia pada zaman millennium ini.

Allah SWT berfirman dalam surah as-Syu'ara ayat 165:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعُلَمِينَ ١٦٥

Maksudnya:

*Mengapa kamu mendatangi jenis lelaki di antara manusia.*

Di dalam ayat lain, Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut ayat 29:

أَأْتِيَكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ السَّبِيلَ وَتَأْتُونَ فِي نَادِيكُمُ الْمُنْكَرَ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ ۗ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَتَيْنَا بِعَذَابِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ مِنَ الصَّادِقِينَ ٢٩

Maksudnya:

*"Patutkah kamu mendatangi orang lelaki (untuk memuaskan nafsu syahwat kamu)? Dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jahat kamu)? Dan kamu pula melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu?" Maka kaumnya tidak menjawab selain daripada berkata (secara mengejek-ejek): "Datangkanlah kepada kami azab dari Allah (yang engkau janjikan itu) jika betul engkau dari orang-orang yang benar".*

Ibnu Kathir (2000/ 10: 508) Allah SWT berfirman mengkhabarkan tentang Nabi-Nya, Luth AS yang mengingkari kaumnya akibat buruknya perbuatan mereka dan apa yang mereka perbuat dengan melakukan liwat (homo seksual). Dan tidak ada satu manusia pun yang mempelopori perbuatan ini sebelum mereka.

Ahli takwil yang lain berpendapat bahawa makna ayat ini adalah, mereka melakukan perbuatan keji (homoseksual) terhadap para musafir (al-Tabari, 2009).

Oleh itu, perbuatan homoseks dilihat menyerupai pedofilia, hanya berbeza dari beberapa sudut. Perbezaan pertama dari sudut umur bagi perbuatan pedofilia ialah di antara individu dewasa dan kanak-kanak di bawah umur seperti yang telah ditetapkan oleh akta kanak-kanak 2001. Dan kedua, perbezaan mengenai persetujuan di antara dua pihak, perbuatan homoseks selalunya berlaku di atas kerelaan dan persetujuan dua pihak. Namun bagi isu pedofilia, kanak-kanak hanya menjadi mangsa yang tidak bersalah. Ini kerana kebanyakan kes kanak-kanak dicabul, dirogol dan dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

## 5. Rumusan

Jenayah kes pedofilia sehingga hari ini tidak menunjukkan angka penurunannya, semakin hari semakin bertambah jumlah mangsa dari kalangan kanak-kanak. Yang membimbangkan lagi apabila setiap individu berisiko untuk menjadi pelaku pedofilia. Oleh sebab itu, kajian ini melihat pedofilia dari sudut perspektif al-Quran. Walaupun secara umumnya tiada perbincangan yang khusus berkenaan pedofilia di dalam al-Quran mahupun hadis, ianya tidak menunjukkan bahawa tiada dalil yang tidak boleh diqiaskan dengan pedofilia. Justeru itu, kajian ini membawakan tiga konteks tema pendalilan yang dibincangkan melalui dalil dan qias menerusi dalil zina, sumbang mahram dan homoseks. Kajian ini dapat melihat nilai wahyu al-Quran dalam perbincangan dan pencarian solusi isu kontemporari yang melanda kini.

### **Penghargaan**

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia Di Malaysia'.

### **Rujukan**

- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2009. *Tafsir al-Tabari*. Jakarta; Pustaka Azzam.
- Al-Qattan, Manna'Khalil. (1981), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- American Psychiatric Association (APA). (2000). *Diagnostic and Statiscal manual of Mental Disoders*. 4<sup>th</sup> ed, text revision. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- Bell, V. (2007). *The Vigilant Parent and The Paedophile: The News of the World Campaign 2000 and the Different from Child Sexual Abuse*. Retrived from <https://www.gold.ac.uk/media/documents-by-section/course-finder/bell2.pdf>
- Chen, J. Q., Dunne, M. & Han, P. 2007. Prevention of child sexual abuse in China: Knowledge, attitudes, and communication practices of parents of elementary school children. *Child Abuse & Neglect*, 28, 1171-1186.
- Eko Setiawan. (2016). Kejahatan Seksual Pedofilia Dalam Perspektif Hukum Pidana dan Islam. *Jurnal Hukum Islam*, Vol. 14, No 2.
- Eher, R., Olver, M. E., Heurix, I., Schilling, F., & Rettenberger, M. (2015). Predicting Reoffense in Pedophilic Child Molesters by Clinical Diagnoses and Risk Assessment. *Law and Human Behavior*, 1-11.
- Jami'ah Min Kibar al-Lughawiyyin al-'Arab, (2003), op cit, h 975

- Lorentzen, E., Nilsen, H. & Traeen, B. 2008. Will it never end? The narratives of incest victims on termination of sexual abuse. *Journal of Sex Research*, 45 (2), 167-174.
- Norazla Abd Wahab & Mohd Farouk Mat Nor. (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Malaysia. *Jurnal Muwafaqat*. KUIS.
- Noresah Baharom. (2005). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roesler, T. A. & Wind, T. W. 1994. Telling the secret: Adult women describe their disclosures of incest. *Journal of Interpersonal Violence*, 9, 327-338.
- Hall, R. C., & Hall, R. C. (2007, April). A profile of pedophilia: definition, characteristics of offenders, recidivism, treatment outcomes, and forensic issues. *In Mayo Clinic Proceedings* (Vol. 82, No. 4, pp. 457-471). Elsevier.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). 1983. *Tafsir al-Azhar*. Pustaka Panjimas. Jakarta.
- Ibn Kathir, A.F. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Maktabah Aulad Syekh lil Turath.
- Tsun, O. K. A. (1999). Sibling incest: A Hong Kong experience. *Child Abuse & Neglect*, 23 (1), 71-79.
- Syeikh Imam al-Qurtubi. 2009. *Tafsir al-Qurtubi*: Jakarta: Pustaka Panjimas.
- United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) Malaysia. (September, 2010). Penderaan Kanak-kanak: Penderaan Seksual. <https://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Fakta-Penderaan-Seksual.pdf>.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1992). *Mengenal Hukum Hudud*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- World Health Organization (WHO). (1999). WHO *Consultation on Child Abuse Prevention*.  
[http://www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/resources/publications/en/guidelines\\_chap7.pdf](http://www.who.int/violence_injury_prevention/resources/publications/en/guidelines_chap7.pdf)